

24/07/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup kukuh semalam tetapi rendah sedikit daripada tahap tertingginya.

Wujud belian susulan apabila pelabur berurus niaga secara agresif kerana mempercayai peringkat teruk bagi pasaran kini sudah berlalu, kata peniaga.

Pasaran memantul secara teknikal daripada kedudukan lebih jualan dan pembelian institusi terhadap saham mewah. Ini mendorong tanda aras pasaran, Indeks Komposit menuju ke arah tahap bertahan 1,050 mata.

Pada akhir urus niaga, Indeks Komposit yang mengandungi 100 saham bermutu meningkat 16.06 mata kepada 1,034.07 manakala Indeks Emas yang mengesan keseluruhan saham di Papan Utama menambah 3.86 mata kepada 293.07. Indeks Papan Kedua pula naik 5.98 mata kepada 542.33 manakala Indeks Perusahaan meningkat 21.33 mata kepada 2,047.95.

Sebanyak 526 saham untung, 109 mencatat kerugian manakala 138 kaunter tidak berubah dan 96 pula tidak diniagakan. Sejumlah 231.410 juta saham bernilai RM1.545 bilion bertukar tangan semalam.

Di Papan Utama, jumlah dagangan semalam merosot kepada 182.530 juta saham bernilai RM1.002 bilion daripada 194.554 juta saham bernilai RM1.176 bilion kelmarin manakala di Papan Kedua pula, sejumlah 48.880 juta saham bernilai RM543.603 juta diniagakan berbanding 49.393 juta saham bernilai RM556.434 juta sebelumnya.

Dagangan langsung berjumlah 55.723 juta saham bernilai RM339.374 juta berbanding 39.250 juta saham bernilai RM336.456 juta sebelumnya.

Kepulangan Perdana Menteri ke tanah air meninggalkan kesan psikologi kepada suasana dagangan semalam kerana Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan mengkaji cara untuk menangani spekulator mata wang asing.

Penganalisis berkata, pasaran yang tertekan disebabkan ringgit dijangka pulih seperti sedia kala kerana keadaan kini semakin reda.

Bagaimanapun, ketiadaan petunjuk positif di pasaran mungkin mengurangkan minat belian, menurut penganalisis.

Kaunter di Papan Kedua menarik minat pelabur semalam manakala di Papan Utama pula minat tertumpu pada saham harta, kewangan dan perladangan.

Di sektor barangan pengguna, sejumlah 7.329 juta saham bertukar tangan, di sektor barangan perusahaan pula, sebanyak 38.406 juta saham diniagakan, pembinaan 17.093 juta saham, dagangan/perkhidmatan 27.128 juta, prasarana 1.107 juta, kewangan 22.924 juta, hotel 1.579 juta, harta 40.130 juta, perladangan 5.307 juta, perlombongan 956,000, amanah 79,000, dana tertutup 534,000 dan stok pinjaman 19.956 juta saham. - Bernama

(END)